



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 50 (10 DISEMBER – 16 DISEMBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,140 kes berbanding 2,948 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 192 kes (6.5%). Terdapat lima (5) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-50 adalah sebanyak 117,505 kes berbanding 62,060 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 55,445 (89.3%). Manakala sejumlah 92 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 49 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-50 adalah sebanyak 124 lokaliti berbanding 101 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 124 lokaliti yang dilaporkan, 95 lokaliti di Selangor, 13 lokaliti di WPKL & Putrajaya, tujuh (7) lokaliti di Perak, empat (4) lokaliti di Sabah, dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan dan masing-masing satu (1) lokaliti di Kedah, Pulau Pinang dan Sarawak.

Bagi surveilans chikungunya, terdapat satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-50. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 193 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada ME50/2023. Bagi surveilans zika, sebanyak 3,733 sampel darah dan 411 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Dengan kenaikan kes denggi yang dijangka akan berterusan sehingga tahun 2024, masyarakat perlu terus memberi perhatian dan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap jangkitan denggi walaupun negara ketika ini sedang berdepan kenaikan kes COVID-19. Tanggungjawab menjaga kebersihan rumah dan persekitaran, serta memastikan ia bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes adalah tanggungjawab bersama. Masyarakat dinasihatkan untuk terus melakukan aktiviti gotong-royong sendiri. Luangkan masa bersama keluarga memeriksa tempat pembiakan aedes di dalam dan persekitaran kediaman kita sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu. Orang ramai yang secara berterusan mempunyai simptom demam denggi seperti demam berterusan, cirit birit dan sakit badan walaupun diuji negatif COVID-19, dinasihatkan untuk menjalani ujian demam di fasiliti Kesihatan yang berhampiran. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
23 Disember 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-50 & ke-49 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-50), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2023